

30 SEP 2001
Khalil-Islam

UMNO BERI PENERANGAN KEPADA PARTI KOMPONEN BN MENGENAI NEGARA ISLAM

KUANTAN, 30 Sept (Bernama) -- Umno akan memberikan penjelasan kepada rakan-rakan dalam Barisan Nasional (BN) mengenai kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara Islam, kata Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob hari ini.

Katanya, penjelasan itu tidak semestinya akan dibuat dalam majlis-majlis penerangan tetapi melalui pertemuan-pertemuan di kalangan pemimpin Umno dan parti-parti komponen BN.

"Kita akan memberikan penjelasan tentang kedudukan Islam dalam konteks di Malaysia ini," katanya kepada pemberita selepas menutup Sukaneka Kemas Bandar Indera Mahkota di sini.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad secara terbuka mengumumkan bahawa Malaysia merupakan sebuah negara Islam yang selari dengan ajaran Islam.

Khalil berkata perakuan Malaysia sebagai sebuah Islam memang telah lama dibuat oleh negara-negara Islam lain samada di dalam persidangan-persidangan atau menerusi kenyataan pemimpin negara-negara itu.

"Mereka berpuashati apabila melihat keadaan di Malaysia yang mempunyai kriteria sebagai sebuah negara Islam. Ini juga memerlukan satu penerangan daripada kita," kata beliau.

Mengenai penerimaan masyarakat bukan Islam terhadap pengumuman Perdana Menteri itu, Khalil berkata berdasarkan kenyataan daripada beberapa pemimpin parti komponen BN semalam, mereka menerima bahawa kerajaan tidak menyekat pihak-pihak lain untuk menganuti agama masing-masing.

Beliau berkata apa yang Umno lakukan untuk menegakkan kedudukan agama Islam di negara ini meliputi konteks pentadbiran dan perundangan yang boleh diterima serta difahami oleh orang-orang Islam dan bukan Islam.

Selain itu, katanya, kenyataan Dr Mahathir jelas menjawab banyak persoalan yang selama ini dibangkitkan berkaitan Malaysia sebagai negara Islam manakala PAS pula tidak menjelaskan apa-apa selain menyatakan di negeri-negeri yang mereka tadbir, masyarakat bukan Islam boleh meneruskan amalan hidup mereka.

Beliau berkata selain itu pengakuan DAP bahawa konsep negara Islam yang diperkenalkan Umno lebih toleran, membuktikan tidak wujud sebarang masalah di kalangan masyarakat bukan Islam berhubung Malaysia sebagai sebuah negara Islam.

Mengenai pelantikan Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai timbalan pengerusi Badan Perhubungan Umno Pahang bagi menggantikan beliau, Khalil menyifatkan keputusan itu sebagai sesuai.

Katanya, Najib yang sebelum ini pernah menjadi Menteri Besar Pahang dan juga pengerusi badan itu, boleh memberikan sumbangan dalam memantapkan Umno di negeri itu.

-- BERNAMA

ROS MOZ